

UCAPAN ALUAN
YANG ARIF DATUK YAACOB BIN HAJI MD SAM
MALAM APRESIASI MEDIA 2017
14 APRIL 2017
INTEGRITI, KUALA LUMPUR

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

ASSALAMUALAIKUM WARRAHMATULLAHI WABARAKATUH, SALAM
SEJAHTERA DAN SALAM HORMAT

YANG DIHORMATI SAUDARI PENGERUSI MAJLIS

YANG BERHORMAT SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

DIF-DIF KEHORMAT

YANG DIALU-ALUKAN DAN DIRAIKAN:

DATO'-DATO/TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN KETUA-KETUA
PENGARANG DAN BARISAN WAKIL-WAKIL MEDIA

YANG DIHORMATI AHLI-AHLI PESURUHJAYA SURUHANJAYA
INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN ATAU *ENFORCEMENT*
AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC) SERTA WARGA KERJA
EAIC, SELAKU URUSETIA MAJLIS PADA MALAM INI

1. Syukur saya ke hadrat Allah swt kerana kita dapat berkumpul pada Majlis Apresiasi Media 2017 pada malam ini.
2. Saya dengan rendah diri merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah sudi hadir menyerikan majlis ini walau pun dalam kesibukan jadual tugas dan program Yang Berhormat Menteri.
3. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua tetamu yang diraikan yang terdiri daripada Ketua Pengarah, Ketua Pengarang dan wartawan serta jurufoto daripada pelbagai organisasi media kerana sudi hadir untuk bersama-sama memeriahkan Majlis ini.
4. Kepada YBhg. Datuk Dr. Anis Yusal bin Yusoff, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas jasa baik meminjamkan kepada kami dewan dan kemudahan yang terdapat di INTEGRITI dalam membantu menjayakan Majlis ini.

Sidang hadirin yang saya muliakan,

5. Peranan media baik media arus perdana atau media alternatif atau yang disebut sebagai media baru adalah sangat penting dan berpengaruh dalam pembentukan pemikiran masyarakat dan negara. Bahkan pentingnya peranan media telah diperlihatkan sejak sebelum negara kita Malaysia merdeka lagi. Bermula dengan pengenalan akhbar berbahasa Inggeris "*The Prince Of Wales Island's Gazette*" di Pulau Pinang pada sekitar tahun 1805 dan

terbitan akhbar berbahasa Melayu pertama "*Jawi Peranakan*" di Singapura pada sekitar tahun 1876, peranan media telah berkembang dengan pesatnya sebagai pemangkin pembangunan dan sumber maklumat. Pada hari ini seolah-olah dunia terbentang betul-betul di hadapan kita. Tanpa halangan sempadan dan dengan melalui satu "*click*" sahaja pada aplikasi capaian internet, kita akan dapat mengetahui apa sahaja yang berlaku di seluruh pelusuk dunia dengan begitu cepat dan pantas. Begitu mudahnya sekarang ini untuk kita berkomunikasi, baik secara individu atau melalui media massa walaupun seseorang itu berada pada jarak yang sangat jauh dan terpencil, wahima ketika berada di bilik tidur dengan terdapatnya sistem setelite dan aplikasi yang canggih melalui perkembangan dan ciptaan teknologi terbaru.

6. Maka itu, penyampaian maklumat dan informasi yang berkesan oleh media yang memiliki sumber manusia yang terlatih di bidangnya adalah merupakan medium yang paling berkesan dan diyakini oleh masyarakat umum. Seperti yang saya nyatakan di awal tadi, media mampu memberi kesan kepada pemikiran dan kehidupan masyarakat serta pembinaan negara. Sebaliknya jika media disalahguna, ia akan juga mampu membawa kepada kehancuran atau kemuraman kepada negara. Media mempunyai kuasa dan pengaruh. Kerana itu terdapat ungkapan yang mengatakan "*Kuasa sebatang pena itu lebih tajam daripada sebilah pedang*". Maka tidak hairanlah mengapa hubungan strategik bersama media amatlah diperlukan khususnya untuk mendekati pelbagai lapisan masyarakat dalam usaha menjayakan pembinaan negara bangsa.

7. Di atas kesedaran betapa pengaruh media berupaya mengubah halatuju masyarakat dan keharmonian bermasyarakat, maka media perlu bijak mengambil peranan dengan pelaporan yang berintegriti, berani, telus, dan tepat. Nilai berita bukan terletak ke atas sensasi atau kontroversal sesuatu perkara yang belum disahkan kebenarannya tetapi ke atas kualiti pemberitaan yang dibuat dengan penuh bijaksana dan tidak lari daripada aspek kebolehpercayaan yang tinggi dan jujur melalui etika kewartawanan yang bertanggungjawab.

Sidang hadirin yang saya muliakan,

8. Sepanjang penubuhan EAIC, ini adalah majlis yang julung kali diadakan khusus untuk mengeratkan lagi jalinan keakraban EAIC bersama para pengamal media. Saya bersyukur kerana EAIC mempunyai jalinan hubungan yang sangat baik bersama rakan-rakan media yang juga bersama ingin melihat nilai-nilai murni dan integriti berterusan diterap dan diperkukuhkan di kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan. Montaj yang akan kita saksikan sebentar lagi nanti sedikit sebanyak menggambarkan jalinan kerjasama erat tersebut melalui publisiti meluas dan eksklusif yang diberikan terhadap aktiviti dan gerak kerja EAIC.
9. Besarlah harapan saya, agar jalinan yang sedia ada akan sentiasa bercambah dan mekar mewangi. Kepada rakan-rakan media, EAIC sentiasa komited dalam memberikan kerjasama bagi faedah bersama ke arah membina masyarakat yang bermaklumat. Kata orang keputusan yang baik adalah dibuat hasil daripada maklumat yang

baik dan mencukupi. Secara peribadi saya sentiasa mengalu-alukan dan memberi kerjasama bagi memberikan respon sebaik mungkin kepada setiap persoalan dan isu yang dibawa kepada saya oleh media. Saya juga menyeru kepada semua ketua jabatan dan agensi penguatkuasaan untuk bersikap lebih terbuka dan bertanggungjawab kepada media dalam memberikan respon kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh media yang ada kaitan dengan agensi terlibat. Sikap berterusan mendiamkan diri oleh ketua jabatan hanya akan menebalkan persepsi dan tanggapan negatif masyarakat terhadap agensi. Jika medium media tidak menjadi pilihan untuk digunakan, sekurang-kurangnya laman web dan *facebook* agensi yang dibangunkan oleh agensi melalui peruntukan yang diberikan oleh kerajaan sewajarnya digunakan dengan efektif dalam menyalur atau memberikan maklumat berkaitan sesuatu isu yang menjadi tular atau kepentingan umum. Dalam hal ini saya memerhatikan terdapat sesetengah agensi yang mewujudkan *facebook* bagi berinteraksi dengan orang ramai namun apabila orang ramai memberikan respon atau pertanyaan, kerap kali agensi gagal sama sekali memberikan respon yang diharapkan. Keadaan ini sepatutnya tidak berlaku jika agensi mempunyai pemantauan dan pengurusan yang baik ke atas laman web dan laman sosial mereka.

10. Sedikit maklumat berkaitan aktiviti terdekat EAIC. EAIC kini sedang menyediakan suatu kertas dasar bagi dibawa kepada pihak berkuasa berkaitan pengukuhan integriti pegawai penguat kuasa agensi penguatkuasaan khususnya yang berkaitan dengan kawalan sempadan negara. EAIC juga hampir selesai menjalankan siasatan ke atas beberapa kes kematian orang tahanan semasa berada dalam

lokap polis. Di samping itu terdapat satu kes kematian orang tahanan yang sedang dalam pertimbangan EAIC bagi diadakan satu siasatan secara pendengaran awam. EAIC juga telah memberikan sokongan dan menyatakan kesediaan sekiranya kerajaan memutuskan untuk menjadikan EAIC sebagai agensi peneraju (*lead agency*) atau 'One Stop Centre' (OSC) bagi menyelaraskan penguatkuasaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) dengan secara lebih efektif.

Yang Berhormat Menteri, Yang Berbahagia Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan/Puan serta sidang hadirin yang saya muliakan sekalian,

11. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan di atas kehadiran semua tetamu pada malam ini. Yang bulat itu tidak datang bergolek, dan yang pipih pula tidak datang melayang. Kejayaan tidak akan datang tanpa terdapat usaha. Sebelum saya mengundurkan diri, izinkan saya berkongsi dua rangkap pantun buat kenangan kita bersama;

*Marilah kita menanam padi
Padi ditanam di dalam bendang
Marilah kita menabur budi
Supaya kita dikenang orang*

*Malam media disambut mesra
Tetamu hadir segak dan sopan
Integriti dipupuk menjadi budaya
Bersama kita memberi sokongan*

Sekian, wabilla hitaufik walhidayah, assalamulaikum dan terima kasih.